

Press Clipping

B8 Selasa
13 Jun 2006

EKONOMI

BH PILIH BBA 13 (emel)

PKFZ di Pulau Indah operasi akhir tahun

Zon bebas edar kargo antarabangsa seluas 405 hektar



ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) iaitu pusat pengumpulan dan pengedaran kargo antarabangsa di Pulau Indah akan beroperasi sepenuhnya akhir tahun ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

PKFZ seluas 405 hektar itu diuruskan Kawasan Bebas Antarabangsa Jaber Ali (Jafza International), pengendali kawasan perdagangan bebas terbesar dunia di Emiriah Arab Bersat (UAE).

PKFZ adalah pelabuhan kedua terbesar kerajaan dalam sektor pelabuhan sejak 1960-an dan ia dibangunkan sebagai zon perdagangan bebas

dan komersial bersepadu.

"Jika kita perlu melihat semula aspek tertentu dalam sistem penyampaian antara kerajaan, kita akan laksanakan.

"Malah jika kerajaan perlu mengubah undang-undang untuk mencapai objektif penubuhan PKFZ, kita akan pastikan ia dapat dijalankan," katanya ketika berucap dalam seminar bertajuk 'Peluang-Peluang Logistik di Pelabuhan Klang' di Dubai semalam.

Seminar itu dianjurkan Port Klang Malaysia, Westport Malaysia, PKFZ dan Jafza International sempena misi perdagangan bagi menarik penyertaan peserta dan ahli perniagaan, terutama dari kalangan anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) untuk beroperasi di PKFZ.

Hadir sama Pengerusi Pelabuhan Klang, Datuk Yap Pian Hon dan Pengerusi Eksekutif Westport Malaysia, Tan Sri G Gnanalingam.

Chan berkata, beliau yakin PKFZ bakal muncul sebagai 'Jafza Malay-

sia' dan peneraju zon bebas di Asia Tenggara memandangkan konsepnya yang dibangunkan berdasarkan model Jafza International.

Beliau berkata, kerajaan kini sedang melihat semula dasar baru yang perlu dilaksanakan bagi memastikan operasi PKFZ berdaya maju dan sebanding Jafza International.

"Antaranya, kerajaan mengkaji untuk memperkenalkan insentif baru kepada PKFZ yang belum pernah dilaksanakan di Malaysia sebelum ini," katanya.

Chan berkata, PKFZ bakal menyediakan persekitaran pelabuhan menarik bagi sektor pembuatan dan berhasrat menarik penyertaan syarikat multinasional, perusahaan kecil dan sederhana, industri berkaitan perkhidmatan pengagihan, logistik dan nilai tambah.

“Kerajaan bersetuju mencontohi sistem pusat sehenti yang diguna pakai Jafza di UAE bagi kemudahan perdagangan yang ditawarkan”

Chan Kong Choy
Menteri Pengangkutan